

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

**BOI 104/3 - Genetik Asas**

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

....2/-

1. Apakah yang dimaksudkan dengan epistasis? Bandingkan epistasis dengan kedominanan.  
(5 markah)

Warna bulu tikus dikawal oleh dua pasang gen  $Aa$  dan  $Cc$ . Gen  $A$  menentukan warna kelabu dan alelnya  $a$  menentukan warna hitam.  $A$  dominan sepenuhnya terhadap  $a$ . Gen  $c$  apabila dalam keadaan homozigot ( $cc$ ) menghalang pengekspresan  $Aa$ ,  $aa$  dan  $aa$ .

- (a) Apakah nisbah genotip dan fenotip generasi  $F_1$  dan  $F_2$  yang akan dihasilkan daripada kacukan antara tikus  $AACC$  dan  $aacc$ ?

(5 markah)

- (b) Dalam tiga kacukan antara tikus betina yang genotipnya tidak diketahui dengan jantan yang bergenotip  $aacc$ , nisbah fenotip berikut diperolehi.

- (I) 8 kelabu, 8 albino  
(ii) 9 kelabu, 10 hitam  
(iii) 4 kelabu, 5 hitam, 10 albino

Apakah genotip tiga tikus betina induk itu?

(10 markah)

2. Terangkan hukum Hardy-Weinberg. Frekuensi genotip suatu populasi terdiri daripada 0.2  $AA$ , 0.6  $Aa$  dan 0.2  $aa$ . Jika pengawanan berlaku secara random, hitungkan frekuensi genotip  $AA$ ,  $Aa$  dan  $aa$  selepas satu generasi. Apakah frekuensi genotip selepas dua generasi?

(20 markah)

.../3-

3. Transkripsi dalam sintesis protein ialah proses penyalinan maklumat daripada DNA kepada RNA pengutus.

  - Terangkan proses pengenalan titik permulaan sintesis mRNA.
  - Terangkan proses pemanjangan utasan mRNA.
  - Terangkan proses penamat sintesis mRNA.

(20 markah)

4. (a) Terangkan sistem pengawalan pengekspresan gen oleh operon *lac*.

(10 markah)

(b) Bagaimanakah penghasilan enzim *lac* akan berubah jika berlaku mutasi kepada:

  - promoter,
  - operator,
  - gen i,
  - gen z,
  - gen y,
  - gen a.

(10 markah)

5. Bahan genetik mempunyai beberapa sifat, iaitu: boleh **menyimpan maklumat**, boleh **menggunakan maklumat** yang disimpan, boleh **bereplika** dan boleh bervariasi melalui **mutasi**. Apakah maksud istilah-istilah ini?

(20 markah)

6. Banding dan bezakan:

- (a) Songsangan perisentromer dan songsangan parasentromer
- (b) Aneuploid dan euploid
- (c) Autopoliploid dan alopolliploid
- (d) Tumbuhan triploid dan tumbuhan tetraploid

(20 markah)

- ooo O ooo -